Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU

Cabaran getir pentaksiran pelajar



DALAM konteks Malaysia, Program Pentaksiran Pelajar Antarabangsa (PISA) 2022 menunjukkan 29.6 peratus murid hadir ke sekolah dan ini jauh lebih tinggi daripada purata negara Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD).

- Oleh DR. Radin Muhd. Imaduddin Radin Abdul Halim

- 12 Januari 2024, 8:00 am

UNTUK penyertaan Program Pentaksiran Pelajar Antarabangsa (PISA) pada pusingan 2022, seluruh dunia dihempas dengan serangan pandemik Covid-19 yang menyebabkan sekolah ditutup begitu lama.

Untuk kali pertama, persekolahan berubah serta-merta dengan murid dipaksa untuk belajar secara jarak jauh tanpa mengira status sosioekonomi.

Daripada keseluruhan penyertaan bagi mengukur penguasaan literasi bacaan, saintifik dan matematik, banyak negara terjejas teruk. Untuk literasi Matematik, 58 buah negara merosot. Bagi literasi saintifik pula 36 buah negara merosot, manakala untuk literasi bacaan, 55 buah negara merosot.

Dalam konteks Malaysia, bagi literasi Matematik misalnya, hampir semua murid menunjukkan kemerosotan, namun murid berpencapaian tinggi merosot teruk sehingga 40.2 mata berbanding murid berpencapaian rendah yang turut merosot dalam lingkungan 18.7 mata.

Dalam kontes status sosioekonomi, pencapaian murid yang berkelebihan juga merosot lebih teruk untuk ketiga-tiga literasi Matematik, saintifik dan bacaan berbanding murid yang tidak berkelebihan.

Bagaimana Malaysia melangkah dan belajar daripada pengalaman ini akan membentuk landskap masa depan pendidikan negara. Dalam situasi ini, Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) mengenal pasti 10 langkah utama mencakupi strategi yang tidak hanya menangani cabaran semasa tetapi juga meningkatkan kualiti pendidikan negara ke taraf yang lebih tinggi.
Untuk memaksimumkan kualiti pembelajaran, langkah pertama adalah untuk menekankan pengurusan waktu operasi sekolah dengan bijak. Langkah ini merangkumi perluasan waktu operasi sekolah sebagai tindakan proaktif untuk meningkatkan kualiti pembelajaran.

Keputusan PISA 2022 menunjukkan murid semakin ketinggalan dalam pembelajaran apabila sekolah lebih lama ditutup. Di Malaysia, soal selidik murid melaporkan sekolah ditutup selama 5.8 bulan atau 174 hari. Jumlah ini jauh lebih lama berbanding purata negara OECD, iaitu 4.4 bulan atau 132 hari.

Analisis dapatan PISA 2022 menunjukkan bahawa pengurusan kecekapan waktu persekolahan bersemuka amat penting memandangkan murid dan guru tidak dapat mengoptimumkan pembelajaran sewaktu sekolah ditutup. Dapatan PISA 2022 juga menunjukkan sebanyak 13.3 peratus murid Malaysia tidak hadir ke sekolah melebihi tiga bulan berturut-turut dan peratusan ini jauh lebih tinggi daripada purata OECD, iaitu sebanyak 7.6 peratus. Oleh itu, penyelarasan jadual pembelajaran untuk mengatasi ketidakseragaman pembelajaran merupakan keutamaan yang mendesak.

Seterusnya, langkah kedua adalah berkaitan autonomi pembelajaran dapat memperkukuhkan keupayaan dan membentuk murid yang mandiri. Pemikiran ini dipanggil atau pemikiran pertumbuhan. Ideanya adalah untuk membentuk murid yang mampu belajar secara autonomi.

Dalam era pembelajaran jarak jauh, kemahiran ini menjadi semakin penting. PISA 2022 mengungkapkan lebih daripada 50 peratus pelajar Malaysia tidak yakin untuk menyiapkan kerja rumah sendiri. Oleh itu, perluasan latihan dan sokongan diperlukan untuk mengembangkan kemahiran belajar sendiri dalam kalangan murid.

Langkah ketiga pula menitikberatkan kepada pembinaan asas pembelajaran dan kesejahteraan murid yang kukuh. Selain meningkatkan prestasi akademik, hal ini juga melibatkan inisiatif seperti Program Makanan Sekolah dan usaha antibuli. PISA 2018 menunjukkan bahawa 36 peratus murid di Malaysia terdedah kepada buli, melampaui purata negara OECD sebanyak 13 peratus.

Maka, pada 2023, Menteri Pendidikan melancarkan garis panduan baharu pengurusan salah laku buli termasuk buli siber dan gangguan seksual serta peraturan disiplin murid yang baharu, yang mana kali terakhir disemak pada 2010.

Keempat, penangguhan pemilihan program pendidikan aliran berbeza merupakan langkah yang akan memberikan peluang kepada murid untuk menjelajah minat dan

kebolehan tanpa sekatan awal. Ini penting untuk menggalakkan kesaksamaan sosioekonomi dan mengelak stigma sosial terhadap bidang tertentu.

Kerajaan perlu berusaha memastikan mereka disokong dan disumberkan dengan baik, seterusnya memperkenalkan fleksibiliti ke dalam sistem supaya murid boleh berpindah antara aliran dengan mudah dan menawarkan laluan ke pengajian tinggi kepada semua murid.

Sementara itu, langkah kelima adalah untuk menangani gangguan akibat penggunaan peranti digital di kelas. Dapatan PISA 2022 menunjukkan bahawa sekolah dengan sosioekonomi rendah lebih cenderung mengalami kekurangan sumber bahan dan peranti digital berkualiti tinggi. Penggunaan peranti perlu disertai dengan disiplin penggunaan yang rapi.

Langkah keenam, peningkatan hubungan sekolah-keluarga dan penyertaan ibu bapa dalam pembelajaran. Data dari PISA menunjukkan bahawa murid dengan sokongan keluarga yang lebih tinggi melaporkan rasa keterikatan yang lebih kuat di sekolah dan kepuasan hidup yang lebih besar. Maka, saranan Penglibatan Ibu bapa dan Komunitu serta Swasta (PIBKS) perlu diangkat dengan lebih berkesan bagi membuka ruang ini menjadi lebih bermakna.

Selanjutnya, langkah ketujuh, penyediaan sokongan tambahan kepada murid bagi membuka ruang persekitaran pembelajaran yang lebih positif dan menyokong murid yang menghadapi kesulitan tanpa pengulangan tahun. Pelajar dalam sistem pendidikan ini lebih cenderung melaporkan bahawa guru Matematik memberikan sokongan dan memiliki hubungan yang baik dengan guru berbanding pelajar dalam sistem pendidikan yang menggunakan pengulangan tahun. Sokongan kolaboratif rakan sebaya dapat diperoleh apabila murid berada dalam kelompok pelbagai keupayaan kognitif dan bakat.

Dalam konteks Malaysia, PISA 2022 menunjukkan 29.6 peratus murid hadir ke sekolah yang mana dikelompokkan mengikut keupayaan dan ini jauh lebih tinggi daripada purata negara OECD, iaitu dalam 6.7 peratus. Kebanyakkan negara berpencapaian tinggi seperti Singapura, Finland dan Korea tidak mengamalkan pengelompokkan murid mengikut keupayaan.

Satu lagi yang menarik untuk diperhatikan. Sistem pendidikan di Denmark, Greece, Iceland, Malaysia, Chinese Taipei, Thailand, Singapore dan Sweden menunjukkan hubungan negatif yang kuat antara kehadiran di prasekolah dan pengulangan gred. Dengan kata lain, di negara-negara ini, pelajar yang menghadiri prasekolah lebih cenderung untuk mengelakkan pengulangan tahun.

Di Malaysia, menurut Laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2022, sekitar 85 peratus sahaja enrolmen murid dalam pendidikan awal prasekolah. Hal ini menunjukkan sekitar 65,000 murid tidak mendapat akses pendidikan awal.

Langkah kelapan menekankan keperluan memastikan kakitangan pendidikan dan bahan pembelajaran yang berkualiti. Kualiti sumber daya ini adalah penentu utama dalam meningkatkan efikasi pengajaran.

Pada langkah kesembilan, pentingnya menjadikan sekolah sebagai pusat interaksi sosial, bukan sahaja berkisar pada pembelajaran tetapi juga memberi peluang kepada murid untuk berkongsi pengalaman dan menyokong satu sama lain. Data PISA 2022 menunjukkan bahawa murid di sekolah yang menyediakan bilik untuk membuat kerja rumah mendapat skor Matematik yang lebih tinggi.

Akhir sekali, langkah kesepuluh menggabungkan autonomi sekolah dengan mekanisme jaminan kualiti. Keseimbangan ini penting dalam melahirkan sistem pendidikan yang berkualiti.

Secara khususnya, mekanisme jaminan kualiti ini memainkan peranan penting dalam memastikan bahawa pemberian autonomi kepada sekolah berkait rapat dengan peningkatan prestasi akademik dan perkara ini melibatkan aktiviti seperti mentor guru, pemeriksaan kelas, penyimpanan rekod, penilaian kendiri, pemantauan data dan ujian piawai yang diwajibkan sekurang-kurangnya setahun sekali.

Malaysia dapat mencapai kecemerlangan pendidikan yang diinginkan dan memberikan impak positif kepada masa depan negara. Malaysia bukan hanya melakukan persediaan dalam menghadapi ujian PISA 2025 tetapi juga membuka lembaran kepada masa depan pendidikan yang lebih dinamik dan berprestasi tinggi.-UTUSAN

DR. Radin Muhd. Imaduddin Radin Abdul Halim ialah Felo Penyelidik Komuniti Pendidik Madani.